

10

Membina Kemahiran Bertutur Pelajar Melalui Penggunaan Media Podcast

Sekolah Menengah Canossa St. Anthony



Nurul Huda Muhammad Yassin

nurul_huda_muhammad_yassin@schools.gov.sg



Nurfaeza Rahmat

nurfaeza_rahmat@schools.gov.sg

Abstrak

Pelajar Menengah 3 didapati lebih selesa bertutur dalam bahasa Inggeris dan mengalami beberapa cabaran apabila diminta berbual dalam bahasa Melayu. Berlatarbelakangkan situasi ini, kajian ini bertujuan meneroka keberkesanan teknologi dalam menyokong pembinaan kemahiran bertutur dalam bahasa Melayu dalam kalangan pelajar. Dalam kajian ini, Podcast telah digunakan sebagai wadah untuk membina kemahiran bertutur dalam bahasa Melayu dan meningkatkan keyakinan pelajar bertutur mengenai topik pilihan. Kajian ini mendapati bahawa pembelajaran kolaboratif membantu pelajar membina kemahiran bertutur mereka, namun penguasaan kosa kata dan kemahiran menterjemahkan kata merupakan faktor yang menjejaskan keyakinan pelajar untuk bertutur dalam bahasa Melayu.

Kata Kunci: podcast, kemahiran bertutur, pembelajaran kolaboratif, keyakinan bertutur, Web 2.0



PENGENALAN


Sistem pendidikan Singapura yang bertunjangkan dasar dwibahasa bertujuan menghasilkan generasi yang dapat menyumbang kepada pembangunan negara bukan sahaja dari segi ekonomi malah dalam pelbagai domain yang lain, terutamanya pelestarian budaya dan bahasa di negara yang berbilang bangsa selaras dengan visi pendidikan Bahasa Melayu (BM) dalam menghasilkan pelajar yang arif budiman (MOE, 2011). Matlamat ini dapat dicapai melalui kemahiran bahasa yang utama iaitu kemahiran bertutur, membaca, menulis dan mendengar.

Namun, budaya bertutur dalam BM sebagai bahasa komunikasi utama di rumah kian merosot dalam kalangan remaja Singapura. Ini disebabkan penggunaan Bahasa Inggeris (BI) yang kian meluas dalam kalangan masyarakat Melayu. Justeru, kemahiran dwibahasa yang ingin dicapai oleh sistem pendidikan Singapura menghadapi masalah yang kian meruncing. Trend ini terbukti dalam Dapatan Banci Penduduk Singapura 2020 yang menunjukkan penurunan dalam peratusan penggunaan BM di rumah dalam kalangan keluarga Melayu berbanding dengan 10 tahun yang lalu (Banci Penduduk, 2020). Ini menekankan lagi perlunya pengajaran dan pembelajaran (PdP) kemahiran bertutur diberikan tumpuan agar para pelajar menjadi penutur BM yang yakin menggunakannya dalam kehidupan harian mereka.

PERNYATAAN MASALAH

Penggunaan BI yang meluas dalam kebanyakan mata pelajaran di sekolah kurang memberi ruang dan peluang kepada para pelajar Sekolah Menengah Canossa Saint Anthony (SACSS) untuk bertutur dalam BM. Selain itu, 74.1% daripada pelajar Menengah 3 menyatakan bahawa mereka jarang menggunakan BM di rumah. Hal ini lantas menjejaskan keyakinan dan kemahiran mereka bertutur dalam BM.

Rajah 1: Peratusan pelajar yang menggunakan bahasa Melayu di rumah



Selain itu, bilangan pelajar yang bukan Melayu turut menghadapi masalah yang sama. Kira-kira 5% pelajar SACSS yang mengambil subjek BM di sekolah ini merupakan pelajar yang bukan berbangsa Melayu. Ini mencerminkan bahawa peluang bagi mereka menggunakan BM di rumah bersama ahli keluarga juga terhad.

Kemahiran bertutur merupakan aspek pendidikan bahasa yang penting. Ia merupakan kemahiran yang diperlukan untuk berkomunikasi. Kurangnya penggunaan bahasa ini dalam pertuturan harian pelajar di sekolah ini tidak bermakna bahawa para pelajar tidak berupaya bertutur dalam BM. Malah, hanya seorang pelajar BM yang gagal dalam peperiksaan lisan yang dijalankan pada tahun 2021 ini. Ini menunjukkan bahawa para pelajar berupaya bertutur dalam BM tetapi memilih untuk tidak menggunakannya dalam pertuturan harian mereka. Maka, kaedah PdP dalam kemahiran bertutur dalam BM perlu dibangunkan bagi memupuk minat pelajar menggunakan bahasa ini dalam pertuturan harian mereka sama ada di dalam mahupun di luar kelas.

Hal ini sejajar dengan kurikulum di peringkat sekolah menengah yang bertujuan untuk memperkukuh kemahiran dan keterampilan berbahasa pelajar di samping mempunyai kesedaran dan mengamalkan moral yang tinggi dan kemahiran hidup dalam abad ke-21. Memandangkan peperiksaan lisan dijalankan hanya sekali dalam setahun, guru-guru terdorong untuk memanfaatkan wadah Podcast bagi membina kemahiran bertutur pelajar dan seterusnya menilai keupayaan bertutur mereka dalam PdP BM di dalam bilik darjah.



OBJEKTIF KAJIAN

Tujuan kajian ini adalah untuk:


1. meningkatkan keyakinan pelajar bertutur dalam BM melalui wadah Podcast; dan
2. membina kemahiran bertutur pelajar dalam BM melalui pembelajaran kolaboratif.

KAJIAN LEPAS

Kerencaman peranti teknologi canggih yang tersedia di sekolah-sekolah membuka peluang kepada guru untuk mempelbagaikan kaedah pendidikan bahasa. Antara penggunaan teknologi Web 2.0 yang boleh dimanfaatkan ialah Podcast. Menurut Williams (2007), Podcast merupakan kandungan audio atau video yang berdasarkan kajian dan pengetahuan sesuatu topik. Kandungan ini dibentangkan melalui gaya yang sesuai bagi tempoh tumpuan dan gaya pembelajaran pelajar dewasa ini.

Edirisingha dan Salmon (2009) telah melakarkan lapan pendekatan Podcasting yang boleh dimanfaatkan dalam pembelajaran di peringkat pendidikan tinggi berdasarkan dapatan bahawa pendekatan yang sedemikian telah memberikan sumbangan positif kepada pembelajaran pelajar. Lapan manfaat ini adalah seperti berikut:

- meningkatkan keyakinan pelajar untuk bertutur kerana dilakukan “di sebalik tabir”
- motivasi atas kesedaran Podcast mereka akan didengar ramai;
- kesempurnaan melalui latihan berulang-ulang
- kemahiran dalam berkolaborasi dalam menghasilkan Podcast secara berkumpulan
- tumpuan yang lebih kepada ketepatan sebutan
- pembelajaran pelbagai bagi memenuhi tahap keupayaan pelajar yang pelbagai
- peluang saksama kepada semua pelajar terutamanya bagi kelas yang ramai pelajarnya
- peluang merentasi sempadan kelas dengan memudahkan projek antara kelas, sekolah, mahupun negara




Dapatan kajian Indahsari (2020) turut mencerminkan keberkesanan Podcast sebagai alat pembelajaran bahasa yang mampu meningkatkan motivasi pelajar terutamanya dalam pendidikan BI sebagai bahasa kedua.

Phillips (2017) pula mendapati bahawa walaupun golongan milenia sering dianggap sebagai peribumi digital, mereka sekadar penerima kandungan digital tetapi tidak mahir dalam menghasilkan karya digital. Walau bagaimanapun, peluang menghasilkan Podcast yang diberikan kepada para pelajar dapat meningkatkan motivasi mereka dalam pembelajaran bahasa. Malah, menurut Taksonomi Bloom yang dikemas kini juga, memahami melalui penghasilan sesuatu karya baharu dianggap sebagai antara matlamat terpenting pendidikan (Krathwohl, 2002). Pelajar diperlukan untuk menggabungkan informasi, merancang, menyesuaikan penggunaan informasi serta mereka dan merealisasikan informasi tersebut dalam bentuk Podcast.

Kemahiran bertutur yang baik dapat meningkatkan rasa kepuasan pelajar atas pencapaian mereka dalam pembelajaran bahasa. Sandoval Zapata (2020) telah menjalankan satu kajian ke atas para mahasiswa kursus BI sebagai bahasa asing di Chile dalam pembelajaran berasaskan Podcast. Mahasiswa ini harus menghasilkan Podcast dalam BI yang akan diperbaiki berdasarkan maklum balas daripada guru dan para pelajar lain. Ini membolehkan mereka meraih ilmu dan kemahiran secara kolaboratif dalam suasana *situated learning*. Hasilnya, kefasihan dan mutu sebutan pertuturan para mahasiswa ini dapat dipertingkat. Namun, beliau menekankan bahawa peranan guru dalam melakarkan aktiviti pembelajaran yang sesuai dan memberikan maklum balas kepada para pelajar sepanjang pembelajaran amat penting dalam menentukan keberkesanan pembelajaran berasaskan Podcast ini.

Grisales dan Garcia (2017) pula telah melakukan kajian tindakan bagi mengkaji kesan Podcast ke atas kemahiran bertutur dalam kalangan 40 orang pelajar gred 10 di sebuah sekolah awam di Colombia. Melalui analisis kualitatif, kajian ini mendapati bahawa dengan strategi pembelajaran bahasa dan pendekatan kolaboratif, penggunaan Podcast mampu meningkatkan kemahiran bertutur pelajar. Ini pula dapat meningkatkan motivasi dan keyakinan diri mereka. Para pengkaji menekankan pentingnya strategi pembelajaran bahasa yang sesuai bagi mencapai matlamat ini. Ia termasuk strategi kognitif yang melibatkan latihan, metakognitif yang melibatkan perancangan dan strategi sosio-afektif yang melibatkan kerjasama antara pelajar dalam kumpulan.



Berdasarkan kajian lepas ini, potensi Podcast dalam membina kemahiran bertutur pelajar dalam BM wajar dikaji. Dengan demikian, keberkesanan Podcast dan faktor-faktor yang mempengaruhi keberkesanannya dalam PdP BM dapat diteroka dan didalami demi memanfaatkan penggunaan teknologi yang relevan dalam kehidupan pelajar.

KAEDAH KAJIAN

Data kuantitatif dan kualitatif yang berbentuk tinjauan, renungan dan temu ramah serta hasil Podcast pelajar digunakan bagi analisis kajian ini. Kajian ini turut menerapkan elemen Amalan Pengajaran Singapura (STP) yang memberikan tumpuan kepada keempat-empat proses pengajaran, iaitu Budaya Positif di Bilik Darjah, Penyediaan Pelajaran, Pelaksanaan Pelajaran dan Penilaian dan Maklum Balas (Kementerian Pendidikan, 2021).

Subjek Kajian

Kajian ini melibatkan 29 orang pelajar Menengah 3, iaitu 3 orang pelajar Menengah 3 Normal Teknikal (NT), 4 orang pelajar Menengah 3 Normal Akademik (NA), 8 orang pelajar Menengah 3 NA yang mengambil BM aliran Ekspres (NASBB) dan 14 orang pelajar Menengah 3 Ekspres. Pelajar-pelajar ini mempunyai tahap keupayaan yang pelbagai. Para pelajar melakukan aktiviti pembelajaran secara berpasangan atau bertiga.

Instrumen Kajian

Kajian ini menggunakan wadah aplikasi Anchor fm bagi menghasilkan Podcast. Podcast pelajar kemudian boleh didengar melalui aplikasi Spotify, aplikasi yang mempunyai bilangan pelanggan yang melebihi 100 juta pendengar (Fleischer & Snickars, 2017). Wadah ini telah dipilih untuk menampung hasil Podcast pelajar secara percuma.

Maklum balas dalam tinjauan prakajian dan pascakajian serta renungan pelajar selepas setiap sesi pembelajaran dikumpulkan bagi tujuan menganalisis pengalaman dan pandangan pelajar mengenai aktiviti pembelajaran. Temu ramah bersama 12 orang pelajar pelbagai tahap keupayaan dirakamkan dengan video dan ditranskripsi bagi mendapatkan pandangan pelajar mengenai kesan aktiviti pembelajaran ke atas kemahiran bertutur dan keyakinan mereka untuk bertutur dalam BM. Akhir sekali, setiap hasil Podcast pelajar Menengah 3 ini

dinilai oleh dua orang guru berdasarkan rubrik perbualan yang ditetapkan oleh guru-guru SAC.

Prosedur Kajian

Kajian ini dijalankan dari Februari hingga Oktober 2021. Aktiviti pembelajaran bagi kajian ini pula dibahagikan kepada tiga bahagian. Sila rujuk Rajah 2.

Rajah 2: Proses Kajian



- Bahagian pertama
Bengkel pengenalan Podcast untuk pelajar. Ia diadakan selama dua jam pada bulan Februari dan dihadiri oleh 28 orang pelajar Menengah 3.
- Bahagian kedua
Aktiviti menghasilkan Podcast yang berlangsung selama lapan waktu pembelajaran pada bulan Ogos. Ia disertai 29 orang pelajar Menengah 3
- Bahagian ketiga
Sesi temu bual pula dijalankan pada bulan Oktober sebelum semua data yang terkumpul dianalisis.

Aktiviti-aktiviti pembelajaran yang dijalankan menerapkan elemen STP seperti yang dijelaskan di bawah ini.

1. Bengkel pengenalan Podcast

Sebagai permulaan, sebuah bengkel pengenalan Podcast diadakan bagi semua pelajar menengah tiga. Sesi ini dijalankan oleh dua orang wartawan Berita Harian (BH) yang menerangkan ilmu asas podcast seperti kegunaan, laras bahasa, gaya penyampaian dan proses penghasilannya. Para pelajar diberikan peluang menghasilkan satu podcast ringkas secara berkumpulan berdasarkan topik yang diberikan kepada mereka. Bengkel ini bertujuan untuk memastikan setiap pelajar mempunyai pengetahuan dan kemahiran asas serta menanam minat untuk menghasilkan podcast.

Elemen STP:

- Penyediaan pelajaran
(AP11) Memilih strategi pengajaran yang dapat membantu pelajar mencapai pengetahuan dan mengaplikasi ilmu yang telah diraih.
- Pelaksanaan pelajaran
(AP14) Merangsang minat pelajar dengan mendekati mereka kepada pengacara dan penerbit Podcast dalam BM.

2. Aktiviti pembelajaran

Aktiviti susulan dijalankan pada pertengahan bulan Ogos. Guru menggalakkan pelajar mengimbas kembali pengetahuan sedia ada mereka tentang Podcast dan ciri-ciri Podcast yang baik melalui penggunaan slaid Google dan perbincangan terbuka. Pelajar turut mendengar empat Podcast contoh sebagai rujukan. Kemudian, guru memperkenalkan tema Podcast yang harus dihasilkan oleh pelajar. Pelajar diberikan masa untuk mencari pasangan masing-masing dan berbincang tentang kandungan Podcast mereka. Tinjauan pelajar dilakukan sebelum dan selepas aktiviti pembelajaran ini sementara empat renungan pelajar dilakukan selepas setiap sesi pembelajaran. Satu lampiran rangka kandungan podcast telah diberikan kepada pelajar. Lampiran yang berisi rangka Podcast pelajar dihantarkan kepada guru. Guru memberikan maklum balas mengenai rangka Podcast pelajar sebelum pelajar menghasilkan Podcast mereka. Para pelajar diberikan masa sejam untuk merakamkan Podcast mereka dengan menggunakan wadah Anchor fm. Setiap sesi pembelajaran diakhiri dengan sesi mengisi jurnal renungan mengenai sesi tersebut oleh pelajar.

Elemen STP:

- Budaya positif di bilik darjah
(AP5) Memperkasakan pelajar dengan membenarkan mereka memilih pasangan sendiri bagi keselesaan pelajar bertutur semasa menghasilkan Podcast.
- Penyediaan pelajaran
(AP6) Menentukan objektif pelajaran dengan mengambil kira pengetahuan dan kemahiran sedia ada pelajar.
- Pelaksanaan pelajaran
(AP13) Mengaktifkan pengetahuan sedia ada tentang pengetahuan yang diperoleh daripada bengkel Podcast dan berdasarkan pengalaman

pelajar sebagai pendengar Podcast. Pelajar menggunakan pendekatan fikir-berpasangan-berkongsi dalam memberikan respons kepada guru dan dalam perbincangan mereka untuk menghasilkan Podcast.

(AP15) Menggalakkan pelibatan pelajar secara aktif melalui kerjasama dan interaksi bersama pasangan atau ahli kumpulan masing-masing.

(AP19) Memudah cara pembelajaran kolaboratif melalui kerjasama dalam pasangan atau kumpulan masing-masing untuk mencari maklumat dan menyusun kandungan Podcast.

- Penilaian dan maklum balas

(AP22) Memantau pemahaman dan memberikan maklum balas dalam bentuk komen sahaja oleh guru mengenai rangka kandungan podcast yang telah disiapkan pelajar.

(AP23) Menyokong pembelajaran secara sendiri melalui pembelajaran teradun dan membuat kajian bagi membina kandungan Podcast.


(AP24) Menyediakan tugas yang bermakna dengan memilih tema dan wadah yang relevan dan dekat dengan pengalaman pelajar. Penyepaduan teknologi dalam aktiviti pembelajaran ini juga bermakna bagi pelajar yang harus menghasilkan artifak digital yang relevan dalam kehidupan pelajar pada abad ke-21 ini.

Bagi mengukuhkan dapatan kajian, pelajar menilai Podcast pasangan atau kumpulan yang lain. Selain itu, 12 orang pelajar ditemu bual mengenai pengalaman mereka menghasilkan Podcast bagi menilai kesannya ke atas kemahiran bertutur mereka. Berdasarkan perbualan pelajar, guru memberikan penilaian berbentuk ulasan mengenai bahasa, kelancaran dan kespontanan jawapan pelajar. Respons pelajar ditranskripsikan dan dikategorikan berdasarkan tema yang terserlah bagi tujuan analisis.

DAPATAN KAJIAN DAN PERBINCANGAN


Tinjauan prakajian menunjukkan bahawa 92.6% responden lebih kerap menggunakan BI daripada BM di rumah. Sila rujuk Rajah 3.

Rajah 3: Bahasa yang lebih kerap digunakan pelajar



Namun demikian, apabila mereka menggunakan BM, 77.8% menggunakannya dengan ahli keluarga. Ini menunjukkan bahawa keluarga memainkan peranan yang besar dalam menyediakan ruang untuk pelajar berkomunikasi dalam BM tetapi disebabkan penggunaan BI yang meluas di rumah, maka ruang dan peluang menggunakan BM di rumah sangat sedikit. Ini boleh menjadi penyebab 66.7% melahirkan rasa kurang yakin bertutur dalam BM seperti yang ditunjukkan dalam Rajah 4 di bawah ini.

Rajah 4: Tahap Keyakinan Pelajar Bertutur Dalam BM (Prakajian & Pascakajian)



Selain itu, dapatan tinjauan dan renungan pelajar yang berbentuk kualitatif telah dianalisis melalui koding. Analisis menunjukkan bahawa pelajar banyak menyentuh tema kolaborasi, komunikasi, minat dan bahasa. Contoh respons pelajar terdapat dalam Jadual 1. Selain itu, analisis dapatan kajian juga menyatakan bahawa faktor kosa kata juga boleh menjejaskan keyakinan dan kebolehan pelajar bertutur dalam BM secara spontan (Rujuk Jadual 2).

Jadual 1: Kesan Pembelajaran Secara Kolaboratif

Tema: Kolaborasi - Minat	
Pelajar 1	Saya suka bekerja dengan kawan-kawan saya dan ia lebih seronok daripada bekerja sendiri.
Pelajar 2	Kami dapat mengembangkan idea satu sama lain dan dapat berkongsi idea bersama-sama.
Pelajar 3	Kerjanya lebih seronok dan kita juga boleh faham bagaimana kita boleh jadi lebih baik.
Pelajar 4	Kami berdua berkongsi idea-idea dan dari situ kami lebih memahami apa yang kami ingin capai.

Jadual 2: Masalah Kespontanan Dalam Pertuturan

Tema: Komunikasi - Bahasa	
Pelajar 1	Kami tidak boleh mengingat kosa kata yang sesuai untuk mengatakan idea-idea kami.
Pelajar 2	Saya tidak tahu cara untuk berkomunikasi dalam bahasa Melayu dengan natural. Saya ada masalah berbual dengan lancar. Saya dan rakan saya ada masalah menyusun ayat-ayat.
Pelajar 3	Saya tidak dapat menterjemahkan beberapa perkataan bahasa Inggeris kepada bahasa Melayu.


Perkara-perkara ini berkait rapat dengan motivasi pelajar untuk bertutur BM, terutamanya dalam aktiviti menghasilkan Podcast ini. Kolaborasi bersama rakan merupakan perkara utama yang ditonjolkan pelajar dalam renungan sesi pertama aktiviti. Pembelajaran kolaboratif ini juga mengekalkan minat mereka sepanjang aktiviti ini. Namun, renungan sesi kedua lebih menyerlahkan keprihatinan pelajar mengenai kemahiran bahasa yang diperlukan sebagai wahana komunikasi dalam Podcast yang harus dihasilkan, terutamanya kemahiran penterjemahan daripada BI kepada BM untuk menyampaikan idea mereka. Tumpuan kepada isi perbualan dan kolaborasi bersama rakan pada sesi ketiga sekali lagi menekankan kepentingan kerjasama dengan rakan sebaya dalam pelaksanaan projek Podcast ini. Setelah penghasilan Podcast pada sesi keempat, pelajar mengetengahkan hasil pembelajaran bahasa yang telah diraih dan keseronokan proses pembelajaran yang dilalui. Ini sejajar dengan dapatan tinjauan pascakajian yang menunjukkan bahawa 62.5% responden berpendapat projek Podcast ini membantu mereka meningkatkan keyakinan mereka bertutur dalam BM. Malah 56% bersetuju bahawa mereka lebih yakin bertutur dengan spontan setelah aktiviti menghasilkan Podcast dijalankan.

Pembelajaran kolaboratif ini juga telah menggalakkan pelajar menjadi lebih berdikari dalam pembelajaran mereka. Pasangan atau rakan sekumpulan menjadi tempat rujukan pertama pelajar ketika menghadapi kesukaran semasa menjalankan tugas. Mereka juga membuat kajian sendiri bagi mengembangkan isi perbualan Podcast. Guru menjadi sumber bantuan bagi kosa kata dan penyusunan ayat. Maklum balas guru mengenai isi Podcast pelajar juga diterima dalam membimbing mereka memperbaiki pengembangan isi Podcast.

Hasilnya, 92% responden bersetuju bahawa aktiviti menghasilkan Podcast ini menarik bagi mereka. Malah, berdasarkan maklum balas pelajar yang mendengar Podcast rakan, 90.3% pelajar mendapati Podcast yang dihasilkan kumpulan-kumpulan lain mencerminkan keyakinan pelajar dalam perbualan mereka manakala 91.9% merasakan perbualan dalam Podcast yang didengar memaparkan kefasihan mereka ketika bertutur dalam BM sehingga ia dapat difahami dengan jelas. Ini lantas mencapai objektif pertama dalam kajian ini iaitu meningkatkan keyakinan pelajar bertutur dalam BM melalui wadah Podcast.

Tinjauan pascakajian menunjukkan 72% responden terdorong untuk menggunakan BM dengan lebih kerap manakala 56% melahirkan rasa lebih yakin untuk bertutur secara spontan setelah aktiviti Podcast ini, jika dibandingkan dengan tahap keyakinan pelajar semasa Prakajian (Rujuk Rajah 5).

Rajah 5: Tahap Keberkesanan Projek Podcast Dalam Membantu Pelajar



Data temu bual membuktikan bahawa pelajar boleh bertutur dalam BM namun keyakinan bertutur secara spontan bergantung kepada kebolehan pelajar menterjemahkan perkataan BI kepada BM. Ini jelas terlihat dalam penggunaan BI dalam perbualan mereka. Ini mengukuhkan lagi dapatan bahawa penguasaan kosa kata turut memainkan peranan besar dalam meningkatkan keyakinan pelajar bertutur dalam BM.


Dalam pada itu, kajian ini mempunyai beberapa keterbatasan. Pertama, masalah ketidakhadiran pelajar di sekolah bermakna tidak semua pelajar menyertai bengkel Podcast yang dikendalikan BH. Mereka tidak berpeluang melalui sesi amali menghasilkan Podcast ringkas bersama rakan sekelas. Ini bermakna pengetahuan sedia ada mengenai penghasilan Podcast antara pelajar tidak sama. Ada juga pelajar yang tidak hadir semasa projek ini dijalankan. Ini menjejaskan kelancaran perbincangan dan kerja menghasilkan Podcast itu.

Selain itu, masa yang terhad bagi projek ini menjejaskan masa persediaan dan latihan yang diperuntukkan bagi menghasilkan Podcast yang lebih bermutu. Ini diakui pelajar yang rata-rata tidak berpuas hati dengan tempoh masa yang telah diberikan.

Akhir sekali, ketidaksamarataan dalam jumlah anggota kumpulan mungkin menjejaskan hasil podcast. Ada yang bekerja berpasangan sementara ada kumpulan yang mempunyai tiga orang anggota. Ini disebabkan jumlah pelajar yang kecil dalam kelas tertentu. Atas sebab ini juga, pembahagian kumpulan yang mengandungi pelajar pelbagai upaya tidak dapat dilakukan.

Sebagai cadangan, kajian longitudinal bagi keberkesanan Podcast dalam membina kemahiran dan keyakinan bertutur pelajar dalam BM amat disarankan. Kajian yang melibatkan sekurang-kurangnya dua kitaran aktiviti penghasilan Podcast ini akan memberikan data yang lebih tepat untuk membuktikan sama ada ia mendatangkan kesan yang positif kepada PdP BM. Sememangnya, pembelajaran bahasa merupakan proses yang berterusan. Kemahiran berbahasa tidak dapat dicapai dalam masa yang singkat.

Selain itu, pelibatan ahli keluarga dalam pengeluaran Podcast wajar dipertimbangkan memandangkan kebanyakan pelajar menggunakan BM bersama ahli keluarga mereka. Ini dapat membuka ruang dan peluang kepada pelajar menggunakan BM dengan lebih kerap di rumah. Keterlibatan ibu bapa



dalam pembelajaran anak boleh mendatangkan kesan positif, terutamanya dalam membina kemahiran berbahasa. Ini dapat meningkatkan keyakinan pelajar bertutur dalam BM.

KESIMPULAN

Kesimpulannya, Podcast merupakan satu wadah autentik yang menarik minat pelajar dalam pembelajaran BM. Menerusi pembelajaran kolaboratif dalam menggunakan wadah ini, pelajar berpeluang berkomunikasi dalam BM dan membina kemahiran bertutur mereka. Ini dapat meningkatkan keyakinan mereka bertutur dalam BM dalam suasana yang seronok.

Selain itu, kemahiran bertutur juga memerlukan jangka masa yang lebih panjang untuk melihat perubahan yang ketara dalam diri pelajar. Di samping peluang yang disediakan di dalam PdP BM, para pelajar juga perlu berlatih menggunakan BM dalam kehidupan seharian mereka. Seperti kemahiran bahasa yang lain juga, penguasaan kosa kata pelajar memainkan peranan yang besar dalam hal ini. Penguasaan kosa kata yang lemah menyebabkan pelajar terdorong untuk tidak menggunakan BM dalam perbualan mereka. Kurangnya peluang untuk menggunakan BM dalam pertuturan harian juga menyukarkan pelajar untuk membina kemahiran ini.


Peranti mudah alih teknologi masa kini seperti wadah Podcast yang ditonjolkan di sini harus dimanfaatkan guru dalam PdP BM. Wadah autentik yang rencam dan mudah digunakan boleh dijadikan alat bantu PdP BM untuk menjadikan pelajaran BM lebih relevan dan bermakna kepada pelajar. Pembelajaran kolaboratif yang dipadankan dengan penggunaan peranti mudah alih ini dan penerapan elemen-elemen STP yang sesuai akan memberikan hasil PdP BM yang diinginkan. Elemen-elemen ini mengatur strategi pembelajaran yang berkesan sehingga dapat memperkasakan pelajar BM dan membina kemahiran bertutur mereka sesuai dengan keperluan abad ke-21 ini.

Guru lain yang terlibat dalam kajian ini:

1. Suzana Mohamad Nor
2. Norliza Mohd Ali

RUJUKAN

- Barkley, E. F., Cross, P. K., & H., C. (2005). *Collaborative Learning Techniques: A Handbook for College Faculty*. San Francisco-California: Jossey-Bass.
- Edirisingha, P., & Salmon, G. (2009). A podcasting framework for teaching and learning in higher education. *Actas do Encontro sobre Podcasts*, 7-20.
- Fleischer, R., & Snickars, P. (2017). Discovering Spotify-A thematic introduction. *Culture Unbound*, 9(2), 130-145.
- Grisales, M. D., & García, A. S. (2017). Oral skills development through the use of language learning strategies, podcasting and collaborative work. *Gist: Education and Learning Research Journal*, (14), 32-48.
- Indahsari, D. (2020). Using podcast for EFL students in language learning. *JEES (Journal of English Educators Society)*, 5(2), 103-108.
- Jabatan Statistik Singapura (2020). *Banci Penduduk 2020*. Ditukil daripada <https://www.singstat.gov.sg/census2020/census-2020>
- Krathwohl, D. R. (2002). *A Revision of Bloom's Taxonomy: An Overview. Theory into Practice. Revising Bloom's Taxonomy*.
- Mohamad Maliki Osman (2021), *Ucapan Menteri Kedua Pendidikan Singapura pada 10 Julai 2021*. Ditukil daripada <https://www.moe.gov.sg/news/speeches/20210710-speech-by-dr-mohamad-maliki-osman-second-minister-for-education-and-chairperson-of-malay-language-learning-and-promotion-committee-at-the-e-fiesta-bahasa-2021-at-max-atria-singapore-expo>
- Phillips, B. (2017). Student-produced podcasts in language learning—exploring student perceptions of podcast activities. *IAFOR Journal of Education*.
- Sandoval Zapata, M. M. (2020). Podcast-based lessons: a useful tool to improve university students' descriptive oral skills. *Comunicación*, 29(1), 52-68.



Sukatan Pelajaran Bahasa Melayu, Sekolah Menengah 2011, (2011). Bahagian Perancangan dan Pembangunan Kurikulum, Kementerian Pendidikan Singapura.

Sukatan Pelajaran Bahasa Melayu, Sekolah Menengah 2021, (2021). Bahagian Perancangan dan Pembangunan Kurikulum, Kementerian Pendidikan Singapura.

Sullivan, J. L. (2019). The platforms of podcasting: Past and present. *Social Media+ Society*, 5(4), 2056305119880002.

Sze, P. M. (2006). Developing students' listening and speaking skills through ELT podcasts. *Education Journal Hong Kong-Chinese University of Hong Kong*, 34(2), 115.

Williams, B. (2007). *Educator's podcast guide*. Washington, DC: International Society for Technology in Education.